



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**HUBUNGAN ANTARA PENGETAHUAN PENGGUNA ISLAM TERHADAP  
KEWIBAWAAN JAKIM DAN POLA Pencarian Maklumat Dalam  
Talian Dengan Gelagat Pembelian Makanan Halal**

**NUR RUQAIYAH ABDUL RAHMAN**

**FBMK 2019 39**



**HUBUNGAN ANTARA PENGETAHUAN PENGGUNA ISLAM TERHADAP  
KEWIBAWAAN JAKIM DAN POLA PENCARIAN MAKLUMAT DALAM  
TALIAN DENGAN GELAGAT PEMBELIAN MAKANAN HALAL**

Oleh

**NUR RUQAIYAH ABDUL RAHMAN**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan ijazah Master  
Sains**

**November 2018**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini , termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**HUBUNGAN ANTARA PENGETAHUAN PENGGUNA ISLAM TERHADAP KEWIBAWAAN JAKIM DAN POLA PENCARIAN MAKLUMAT DALAM TALIAN DENGAN GELAGAT PEMBELIAN MAKANAN HALAL**

Oleh

**NUR RUQAIYAH BINTI ABDUL RAHMAN**

November 2018

**Pengerusi: Jusang bin Bolong, PhD**  
**Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi**

Pengembangan empayar industri makanan halal dunia menjadikan kajian terhadap industri ini sebagai keperluan yang mendesak. Di Malaysia, Fungsi JAKIM sebagai agensi penguatkuasa Akta Halal menuntut komunikasi berkesan di antara organisasi ini dengan masyarakat Islam yang pastinya sensitif dengan isu berkaitan makanan halal. Menggunakan model kognitif (lanjutan) dan pembelian oleh Dodds, et al. (1991), penyelidik cuba melihat perkaitan di antara pembolehubah bebas iaitu pengetahuan pengguna Islam terhadap kewibawaan JAKIM dan pola pencarian maklumat secara dalam talian dengan pembolehubah bersandar iaitu gelagat pembelian pengguna Islam. Sebanyak 400 set borang soal selidik telah diedarkan kepada 400 orang responden yang dipilih secara persampelan mudah dalam kalangan pengunjung Pusat Membeli Belah Mid Valley dan Sunway Pyramid. Data kuantitatif ini kemudiannya dianalisis menggunakan ujian korelasi menerusi perisian SPSS. Kajian mendapati bahawa pengetahuan pengguna terhadap kewibawaan JAKIM mempengaruhi gelagat pembelian mereka. Pengguna juga turut menyatakan bahawa strategi komunikasi yang digunakan oleh JAKIM adalah tidak berkesan namun jenama Halal JAKIM masih diterima dalam kalangan pengguna Islam. Dapatan kajian juga menunjukkan kekerapan pencarian maklumat berkaitan produk makanan halal dalam kalangan pengguna Islam masih lagi dalam kadar sederhana.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

**RELATIONSHIP BETWEEN MUSLIM CONSUMER'S KNOWLEDGE  
TOWARDS JAKIM AUTHORITY AND INFORMATION SEEKING  
ACTIVITY WITH HALAL FOOD PURCHASING BEHAVIOUR.**

By

**NUR RUQAIYAH BINTI ABDUL RAHMAN**

**November 2018**

**Chair: Jusang bin Bolong, PhD**  
**Fakulty: Modern Languages and Communication**

The expansion of the of the world's halal food industry empire drives to the urgency of the research in the industry. In Malaysia, the role that plays by JAKIM as the enforcement agency of the Halal Act demands effective communication between this organization and the Muslim community in the country that concern on the halal food status. By using Extended Cognitive and Buying Intention (Dodds's et al,1991) as the basis model, this study examines on how the consumer's knowledge towards JAKIM's authority and also their information seeking activity affected their halal food purchasing behavior. There are 400 respondents whose been selected among visitors at Mid Valley Megamall and Sunway Pyramid where they were asked to answer a set of questionnaire as the research instrument. The quantitative data was then being analyzed with SPSS software to test the correlation value. Research shows that the consumers' knowledge on JAKIM's authority proved to affect consumer behavior when purchasing the halal food products. The consumers also think that the communication strategy that being used by JAKIM currently is not effective but on the other hand, they are agrees that the JAKIM Halal brand is still relevant. The research also discovers that the information seeking patterns among Muslim consumer are in medium category.

## PENGHARGAAN

*Bismillahirrahmanirrahim*

Setinggi syukur hanyalah layak untuk Allah Ar Rahman, yang hanya dengan belas ehsan dan kasih sayangNya, saya mampu meneruskan perjalanan yang penuh berliku ketika menyelesaikan tesis sarjana ini. Terima kasih kepada Profesor Madya Jusang Bolong sebagai penyelia tesis saya yang saya kira lebih dari sekadar penyelia, beliau adalah guru yang tidak pernah gagal menambah cinta saya terhadap dunia ilmu dan penyelidikan dalam setiap pertemuan dengan beliau. Sekalung penghargaan buat Dr.Nizam Osman yang “mengutip” saya ketika dilempar dan dicemuh kerana menjadi ‘pelajar lembab’ dan gagal menyiapkan tesis pada masa yang ditetapkan. Kalau bukan kerana bantuan Dr, sudah lama perjalanan tesis ini menemui titik hentinya. Maha Suci Allah dengan segala keagunganNya untuk sekeping hati yang ikhlas dalam jasadmu itu.

Untuk Puan Zawinah di Unit Dokumentasi, Sekolah Pengajian Siswazah yang sering memudahkan urusan yang susah, memberi jalan dan ruang dalam kebuntuan urusan, untuk sahabat-sahabatku, Amalina Azam dan Raihana Razak yang sudi menumpangkan rumah syurga kamu dan menjagakan anakku setiap kali Mesyuarat Jawatankuasa Penyeliaan, *Allah bless you girls with Jannah!*

Istimewa untuk ummi, Cikgu Rosnaza Abdul Razak, yang sentiasa menjaga setiap butir rezeki yang masuk ke dalam perut dan darah daging keturunannya, tesis ini didedikasikan khas untuk ummi. Buat ayah, Dr.Ustaz Abdul Rahman Idris, terima kasih atas semangat cintakan ilmu yang ayah ajar pada kami adik beradik, untuk seluruh keluarga Baitul Rahman, Dr. Uwais Al Qarni, Ir. Ashabul Yamiin, dan Dr. Abdullah Azam, terima kasih untuk kenangan yang indah dan istimewa di rumah syurga kita.

Dedikasi terindah buat separuh jiwaku, Mohammad Noorhelmy Bin Abd Rahman, terima kasih atas pengorbananmu, yang sentiasa memudahkan usranku, bersengkang mata jagakan anak ketika aku sibuk mengejar *dateline* tesis, sanggup tidur bertemankan nyamuk dalam kereta saat menungguku di kampus, tidak kira betapa banyak tinta pun yang aku coretkan, masih tidak mampu untuk aku nukilkan pengorbananmu, terima kasih abang.

Dan akhirnya, untuk anak anakku, Nur Islah Al-Kauthar dan Nur Ayra Annisa binti Mohammad Noorhelmy, semoga kamu berdua terus menjadi cahaya perubahan dan cahaya pencerahan buat umat ini.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyaliaan adalah seperti berikut:

**Jusang Bolong, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Mohd Nizam bin Osman, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 29 Oktober 2019

## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan denganperisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Nur Ruqaiyan Binti Abdul Rahman (GS29464)



## Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini diperakui bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa Penyeliaan : Prof Madya Dr. Jusang Bolong

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa Penyeliaan : Dr. Mohd Nizam bin Osman

## JADUAL KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
<b>BAB</b>	
<b>1</b>	<b>Pengenalan</b>
1.1	Latar Belakang Kajian 1
1.2	Pernyataan Masalah 4
1.3	Persoalan Kajian 7
1.4	Objektif Kajian 7
1.5	Kepentingan Kajian 8
1.5.2	Kepentingan Kepada Khazanah Ilmu 8
1.5.3	Kepentingan Kepada Masyarakat 8
1.5.4	Kepentingan Kepada Organisasi JAKIM, Pengilang dan Peniaga 8
1.6	Skop dan Limitasi Kajian 9
1.7	Definisi dan Kata Kunci 10
<b>2</b>	<b>SOROTAN LITERATUR</b>
2.1	Pengenalan 12
2.2	Peranan Jenama Halal Dan Makanan Halal dalam Islam 12
2.3	Hubungan Pengguna Islam dan Organisasi Berorientasikan Perkhidmatan 15
2.4	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, JAKIM 16
2.5	Jenama Halal JAKIM 18
2.6	Proses Dan Keperluan Persijilan Serta Logo Halal JAKIM 22
2.7	Model dan Teori Kajian 24
2.7.1	Model Kognitif Dan Keputusan Pembelian 24
2.7.2	Kerangka Teori Kajian 26
2.7.2.1	Jenama ( <i>Brand</i> ) 27
2.7.2.2	Pengetahuan Terhadap Jenama dan Kewibawaan JAKIM 29
2.7.2.3	Kredibiliti JAKIM 30
2.7.2.4	Strategi Komunikasi JAKIM 32
2.7.2.5	Pencarian Maklumat Sahih Dalam Talian 35
2.7.2.6	Gelagat Pembelian Pengguna 39
2.8	Kerangka Konsep Kajian 40

2.9	Hipotesis Kajian	43
<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b>	
3.1	Pengenalan	44
3.2	Rekabentuk Kajian	44
3.3	Lokasi Kajian	44
3.4	Subjek Kajian	46
3.5	Populasi dan Prosedur Persampelan	46
3.6	Instrumen Kajian	48
3.6.1	Penilaian Instrumen Kajian Mengikut Pembolehubah	49
3.7	Operasional Pembolehubah	50
3.8	Prauji Kajian	52
3.9	Kebolehpercayaan Dan Kesahan Instrumen Kajian	53
3.10	Kaedah Pengumpulan Data	54
3.10.1	Sumber Data	55
3.10.1.1	Data Primer	55
3.10.1.2	Data Sekunder	55
3.10.2	Kaedah Analisis Data	56
<b>4</b>	<b>HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	
4.1	Pengenalan	57
4.2	Profil Responden	57
4.3	Akses Responden Terhadap Teknologi dalam Talian	59
4.4	Tahap Pengetahuan Pengguna Terhadap Kredibiliti JAKIM	62
4.5	Tahap Pengetahuan Pengguna Terhadap Strategi Komunikasi JAKIM Bagi Mengekalkan Imej Mereka dalam Kalangan Masyarakat	64
4.6	Tahap Pengetahuan Pengguna Terhadap Jenama Halal JAKIM	67
4.7	Pola Pencarian Maklumat Sahih Pengguna Islam Berkaitan Makanan Halal Secara dalam Talian	69
4.8	Gelagat Pembelian Produk Makanan Halal oleh Pengguna Di Malaysia	71
4.9	Hubungan Di Antara Tahap Pengetahuan Pengguna Terhadap Kewibawaan JAKIM Dengan Gelagat Pembelian Produk Makanan Halal	74
4.9.1	Hubungan Di Antara Tahap Pengetahuan Terhadap Kredibiliti JAKIM Dengan Gelagat	74
4.9.2	Hubungan Di Antara Tahap Pengetahuan Terhadap Strategi Komunikasi JAKIM	75
4.9.3	Hubungan Di Antara Tahap Pengetahuan Terhadap Jenama Halal JAKIM Dengan Gelagat Pembelian Produk Makanan Halal	76
4.10	Hubungan Di Antara Pola Pencarian Maklumat Sahih dalam Talian Dengan Gelagat Pembelian Produk Makanan Halal	76

<b>5</b>	<b>RINGKASAN, IMPLIKASI KAJIAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pengenalan	78
5.2	Ringkasan Kajian	78
5.3	Implikasi Kajian	78
	5.3.1 Implikasi Praktikal	79
	5.3.2 Implikasi Model	79
	5.3.3 Implikasi Metodologikal	80
5.4	Cadangan Kajian Akan Datang	80
	<b>RUJUKAN</b>	82
	<b>LAMPIRAN</b>	92
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	101



## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>Halaman</b>
3.1	Jumlah Penduduk Sekitar Lembah Klang	47
3.2	Operasional Pembolehubah	52
3.3	Kebolehpercayaan Pembolehubah Kajian Peringkat Pra Uji	54
3.4	Guilford Rule Of Thumb	56
4.1	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Profil Demografi Responden	58
4.2	Taburan Akses Responden Terhadap Teknologi dalam Talian	61
4.3.1	Tahap Pengetahuan Responden Terhadap Kredibiliti JAKIM	62
4.3.2	Taburan Kekerapan Responden Mengikut Tahap Pengetahuan Terhadap Kredibiliti JAKIM	64
4.4.1	Tahap Pengetahuan Responden Terhadap Strategi Komunikasi JAKIM	65
4.4.2	Taburan Kekerapan Responden Mengikut Tahap Pengetahuan Terhadap Strategi Komunikasi JAKIM	67
4.5.1	Tahap Pengetahuan Responden Terhadap Jenama Halal JAKIM	68
4.5.2	Taburan Kekerapan Responden Mengikut Tahap Pengetahuan Terhadap Jenama Halal JAKIM	69
4.6.1	Pola Pencarian Maklumat Sahih Responden Secara dalam Talian	70
4.6.2	Taburan Kekerapan Responden Mengikut Pola Pencarian Maklumat Sahih Secara dalam Talian	71
4.7	Taburan Kekerapan Responden Mengikut Gelagat Pembelian Produk Makanan Halal	73
4.8.1	Hubungan di antara Tahap Pengetahuan Terhadap Kredibiliti JAKIM Dengan Gelagat Pembelian Produk Makanan Halal	75

4.8.2	Hubungan di antara Tahap Pengetahuan Terhadap Strategi Komunikasi JAKIM Dengan Gelagat Pembelian Produk Makanan Halal	75
4.8.3	Hubungan di antara Tahap Pengetahuan Terhadap Jenama Halal JAKIM Dengan Gelagat Pembelian Produk Makanan Halal	76
4.9	Hubungan di antara Pencarian Maklumat Sahih dalam Talian Dengan Gelagat Pembelian Produk Makanan Halal	77



## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Halaman</b>
1.0	Logo Halal JAKIM Yang Diiktiraf Oleh Kerajaan Malaysia	21
2.0	Proses Industri Makanan Halal Di Malaysia	24
3.0	Model (Lanjutan) Kognitif Dan Pembelian Oleh Dodds, et, al. (1991)	25
4.0	Adaptasi Model (Lanjutan) Kognitif Dan Pembelian Kajian	27
5.0	Rangka Konsep Persepsi Terhadap Strategi Komunikasi JAKIM	34
6.0	Model Pencarian Maklumat (Sumber: Ellis, 1990)	37
7.0	Kerangka Konsep Kajian	42
8.0	Elementary Sampling Formula (Sumber: Yamane, T., 1973)	47

## SENARAI SINGKATAN

JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
SFDA	Saudi Food And Drugs Authority
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPDNKK	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan
PPIM	Persatuan Pengguna Islam Malaysia
CAP	Consumers Association Of Penang (Persatuan Pengguna Pulau Pinang)
BAHEIS	Bahagian Hal Ehwal Islam
ASWAJA	Persatuan Ahli Sunnah Wal Jamaan Malaysia
MIHAS	Malaysia International Halal Showcase
LPKPM	Lembaga Perlindungan Dan Kebajikan Pengguna Malaysia
APD	Akta Perihal Dagangan
FOMCA	Federal Of Malaysian Consumers Association (Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia)
UPE	Unit Perancang Ekonomi Malaysia
JPM	Jabatan Perangkaan Malaysia



# BAB 1

## PENGENALAN

Bab ini mengandungi subtopik seperti latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, limitasi kajian, dan definisi kata kunci.

### 1.1 Latar Belakang Kajian

يَأْتِيهَا النَّاسُ كُلُّوْا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَلًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ

الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

Maksudnya: “Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu”.

( Surah al-Baqarah 2:168 )

Dewasa ini, terma ‘HALAL’ bukanlah satu terma yang asing lagi dalam kalangan masyarakat dunia. Ayat di atas menunjukkan betapa lebar dan jauhnya ‘jaringan komunikasi’ Allah dengan makhlukNya sehingga Allah menggunakan perkataan “ayyuhannas” atau *wahai sekalian manusia*, bukan “ayyuhal arab (wahai sekalian bangsa Arab) atau pun ‘ayyuhal muslim (wahai sekalian orang Islam)”, seolah-olah secara literalnya, Allah ingin ‘memberitahu’ bahawa akan tiba zaman di mana makanan atau produk halal bukan lagi menjadi pilihan bangsa Arab atau orang Islam semata-mata, malah ia bakal menjadi pilihan seluruh umat manusia.

Halal merupakan istilah bahasa Arab yang bermaksud dibenarkan, dibolehkan atau mubah yang telah gugur padanya ikatan simpulan bahaya (Qardhawi, 2014). Menurut Solomon (2006), jenama yang baik adalah jenama yang mewujudkan perkaitan emosi dengan pengguna, ini bermakna pengguna biasanya memilih sesuatu produk berdasarkan perasaan mereka terhadap jenama produk tersebut.

Dunia pemasaran yang semakin kompetitif menyajikan lambakan produk untuk dipilih oleh pengguna. Namun kontradiknya, individu dalam sesebuah masyarakat mendapati semakin sukar untuk membuat pilihan atau keputusan dalam pembelian harian mereka (Aisyah et al, 2004). Justeru, Islam yang sentiasa *syumul* (sesuai pada setiap zaman), sudah terlebih dahulu menyediakan garis panduan pemilihan produk dan perkhidmatan yang sesuai untuk diikuti bukan hanya kepada muslim, tetapi kepada seluruh umat manusia. Garis panduan ini dikenali dengan terma ‘Halal’, (Rezai, 2012).

Perkataan halal ada disebut beberapa kali di dalam Al Quran yang membawa maksud dibenarkan atau sah mengikut undang-undang (syara'), (Nazura, 2011) kriteria halal juga diterangkan secara terperinci di dalam Al Quran sekaligus menjadikan jenama halal sebagai satu jenama yang cukup unik dan hampir dengan umat Islam. Hari ini, Umat Islam seluruh dunia boleh kembali berbangga dengan kehadiran produk jenama halal yang semakin mendapat tempat dalam pasaran dunia. Pengiktirafan dunia kepada jenama halal sebagai simbol bagi menentukan tanda aras kualiti dan pilihan utama pengguna (Jumaaton Azmi, 2005) seolah-olah mengembalikan kembali kredibiliti tamadun Islam yang pernah menjadi pusat rujukan dunia ratusan tahun lalu.

Di Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia atau JAKIM di bawah Jabatan Perdana Menteri adalah antara agensi yang diberi kepercayaan penuh dalam menentukan persijilan halal produk makanan. Malah JAKIM kini telah membangunkan jenama halal mereka sendiri melalui logo yang dicetak pada bungkusan produk makanan yang telah berjaya melepasi tapisan dan garis panduan yang ditetapkan. Logo Halal adalah tanda grafik yang digunakan bagi mewakili kelulusan dan pengiktirafan JAKIM terhadap sesuatu produk atau jenama (Wan Rusni et al, 2015). Selain itu, produk tersebut turut menerima sijil halal dan nombor siri halal sebagai pengiktirafan penerimaan jenama Halal JAKIM

Namun demikian, kejayaan membangunkan industri halal sebagai industri global, tidak akan mampu bertahan sekiranya Malaysia gagal mengurus jenama tersebut secara terancang dan baik, terutama dalam kalangan pengguna tempatan (Nooh, 2007). Pada asasnya, pengguna akan mudah tertarik dan setia kepada suatu produk apabila sesuatu produk itu memenuhi selera dan kehendak mereka. Nazlin, (1999) dalam kajiannya mengatakan terdapat dua kumpulan faktor yang mempengaruhi keputusan pembelian pengguna, iaitu faktor dalaman (intrinsik), seperti rasa dan yang kedua adalah faktor faktor luaran (ekstrinsik). Faktor jenama dikatakan antara faktor ekstrinsik yang popular di abad ke dua puluh ini.

Menurut Arshia et. Al (2014), di kebanyakan negara Islam, produk yang mengandungi elemen-elemen jenama halal seperti logo halal dan sijil halal merupakan produk yang mempunyai potensi besar dalam proses pemilihan pengguna termasuk dalam kalangan pengguna bukan Islam.

Kenyataan ini dibuktikan lagi dengan hasil kajian kontemporari sarjana-sarjana komunikasi dan pemasaran yang mengatakan bahawa makanan halal merupakan sektor yang paling pantas membangun dan semakin berkembang sehingga membentuk sebuah industri dan jenama global, contohnya hasil kajian Harrab dan Low (2008) yang mendapati bahawa, kenaikan pesat industri makanan halal pada kadar 2.9 peratus setiap tahun menyumbang kepada pentingnya pertumbuhan pasaran produk halal ini dan kajian statistik oleh Yusran (2010) yang menunjukkan kenaikan sebanyak 7.4 trilion nilai purata tahunan pasaran global bagi keseluruhan perdagangan halal yang kebanyakannya adalah daripada industri makanan.

Pengusaha dan pengilang produk hari ini harus akur dengan kehendak pengguna dan perlu bertindak segera bagi mendapatkan kepercayaan pengguna terhadap produk halal mereka. Ini kerana pengguna hari ini bukan hanya memilih berdasarkan jenama dan logo produk Halal semata-mata, malah mereka mula menyelidik dari proses pengilangan dan prinsip-prinsip penyediaan sesuatu produk itu sebelum ke pasaran (Rezai, 2012).

Di sini, penyelidik mengambil inisiatif untuk menyediakan sebuah lagi naskah akademik untuk menjadi rujukan masyarakat berkaitan hubungan persepsi pengguna terhadap jenama halal yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), persepsi terhadap kredibiliti JAKIM sendiri sebagai organisasi yang diberi mandat dalam mengesahkan piawai jenama halal, serta pola pencarian maklumat pengguna terhadap isu halal ini dengan gelagat pembelian di Malaysia.

Menurut Ahmad Robin (2014), dalam buku Garis Panduan Penyediaan Barangan dan Makanan Halal, aspek halal tidak terbatas kepada makanan sahaja, malah mencakupi produk yang lebih rencam seperti kosmetik, alat-alat farmasitikal (kosmetik dan lain-lain), perkhidmatan, barang gunaan seperti kasut, pakaian dan sebagainya.

Namun kajian empirikal ini hanya dilakukan ke atas produk makanan sebagai produk kajian. Pemilihan ini bertepatan dengan pendapat Imam Abdallah Ibn Alawi Al Haddad dalam bukunya, *The Book of Assistance* (dipetik daripada Idris, 2006) yang mengatakan bahawa asas atau *fundamental* kepada jasad manusia bergantung kepada makanan kerana jika sempurna pengambilannya, ia akan memberi kesan kepada jantung dan memberikan tenaga kepada tubuh untuk melakukan tugas sebagai makhluk hidup atau *living thing*.

Abu hurairah r.a berkata, Rasulullah SAW telah bersabda;  
*Lambung (Perut) merupakan wadah air bagi tubuh, dan pembuluh darah datang mengalir ke lambung. Jika sihat lambung itu maka darah yang keluar merupakan darah sihat, tetapi jika lambung sakit maka darah yang keluarpun dengan membawa penyakit (HR. At-Tabrani dan Al-Baihaqi)*

Hadith ini ternyata menunjukkan pentingnya peranan makanan terhadap tubuh badan manusia. Apatah lagi pada zaman globalisasi ini, makanan bukan hanya datang dari satu sumber, malah pelbagai sumber dengan pelbagai proses yang rumit malah sukar diterangkan secara saintifik (Zaimah, *et al.*, 2014). Ini menunjukkan kepada pentingnya kajian-kajian menyeluruh diadakan terhadap makanan halal dan penggunaan jenama halal itu sendiri bagi menyokong kebenaran halal dan haram di dalam Al Quran seperti firman Allah dalam surah Shaad yang bermaksud;  
*Al quran tidak lain hanyalah sebagai peringatan bagi penduduk seluruh alam, dan sesungguhnya kamu akan mengetahui kebenaran Al Quran seperti yang diterangkan (Shaad: 87-88)*

## 1.2 Penyataan Masalah

Jenama Halal diperkenalkan bagi melindungi pengguna Muslim secara khususnya melalui piawaian dan sistem yang teratur (Wan Rusni et al, 2015). Konsep halal juga pada mulanya adalah jelas dan mudah berdasarkan hadith Nabi Muhammad S.A.W yang bermaksud “Sesungguhnya yang halal itu jelas, dan yang haram itu jelas” (HR Bukhari dan Muslim). Pada dasarnya semua makanan adalah halal dimakan, sehingga disahkan tidak halal oleh pihak yang mempunyai autoriti dalam hal (berkaitan halal) tersebut. (Zanariah, 2014). Ini menunjukkan betapa Islam sebenarnya tidak menyusahkan umatnya dengan meletakkan piawaian halal mahupun syariat yang diwajibkan ke atas umatnya.

Namun, isu dan masalah mula timbul apabila jenama Halal mula menjadi aset komersial dan memberi nilai ekonomi kepada pengeluar produk halal ini sehingga disalahgunakan oleh pihak tidak bertanggungjawab (Mustafa ‘Afifi et al, 2015). Masalah juga semakin membarah apabila agensi penguatkuasa jenama halal di Malaysia iaitu JAKIM dilihat gagal mendepani kesemua isu ini dengan baik sehingga menjejaskan kewibawaan JAKIM dalam kalangan pengguna di Malaysia (Wan Rusni et al, 2015). Pelbagai pendedahan berkaitan kecurangan pengilang, pembekal sehinggalah pihak berkuasa terutama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam mendepani isu Halal dibongkar sehingga ada pihak yang memuat naik status ‘ JAKIM mengkhianati umat Islam’ dalam blog mereka (<http://dialograkyat.blogspot.my/2014/06/dna-babi-jakim-buat-u-turn.html/>).

Penyelidik bawakan beberapa fakta kes bagi menunjukkan betapa seriusnya masalah ini. Kes pertama, pada Disember 1997, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KDNKK) yang ketika itu dikenali sebagai Kementerian Perdagangan Dalam Negara dan Hal Ehwal Pengguna, telah merampas dan menutup lebih dari 20 buah premis pengeluar produk makanan yang menggunakan logo halal yang tidak sah, malah mereka dikatakan tidak mempunyai sijil halal yang dikeluarkan oleh JAKIM.

Seterusnya, semakin banyak kes penggunaan Jenama Halal JAKIM palsu dilaporkan sekitar tahun 2000, seperti kes rampasan dua kontena gula-gula getah berjenama terkenal bernilai RM2.3 juta di Hicom Glenmarie, Subang pada 8 Julai 2004, seterusnya rampasan kuih bulan dan serunding babi yang menggunakan jenama halal palsu di Kajang pada Oktober 2004, serbuan di gedung makanan halal seperti biskut dan sardin yang dicemari daging dan produk daging babi pada Febuari 2005, seterusnya isu serbuan ke atas kilang penyembelihan pemprosesan Ayam yang tidak disembelih dengan sempurna sekitar tahun 2008 hingga 2010.

Sementara pada 2013, Sinar Harian melaporkan tiga premis di Pahang telah ditarik balik sijil halalnya, iaitu pusat penyembelihan halal di salah sebuah premis yang bertempat di kawasan perindustrian Indera Mahkota, restoran di sebuah hotel di Cherating dan kilang memproses produk makanan di Kawasan Perindustrian Semambu. Selain itu terdapat juga kes di mana jenama Halal JAKIM telah dicop pada



tin arak jenama Carlsberg pada 2014. Seterusnya pada tahun yang sama, media kembali melaporkan, terdapat banyak makanan import dihasilkan dengan campuran minuman keras dan menggunakan lemak haiwan yang tidak halal termasuk babi (Kosmo Online, 2014).

Isu penggunaan logo Halal JAKIM palsu dalam industri makanan terus berlarutan dan seolah tiada kesudahan. Pada 2015, Kementerian Kesihatan Malaysia telah melaporkan terdapat DNA Babi di dalam coklat Cadbury. Isu ini telah tular sehingga ke luar negara kerana melibatkan syarikat coklat antarabangsa. Kes ini menguji kewibawaan JAKIM, apabila laporan akhbar Al Jazeera melaporkan Dr. Salah Maiman, Timbalan Presiden Saudi Food And Drug Authority (SFDA), telah meneruskan siasatan kepada produk coklat cadbury dari UK dan Mesir selepas tidak berpuas hati dengan jawapan dari JAKIM. (<http://aljazeera.com>, 2015).

Tidak terhenti di situ, JAKIM sekali lagi menggemparkan syarikat luar negara, apabila ada 15 Disember 2016, salah satu cawangan restoran makanan segera Mc Donald telah disita kerana tidak memenuhi piawaian kebersihan. Namun, bukti bergambar yang ditularkan sebelum notis penyitaan dikeluarkan mendapati bahawa premis tersebut mengatakan bahawa mereka terpaksa menggunakan bahan yang mengandungi lemak babi bagi mengekalkan tahap kepanasan kopi mereka. Tanpa rasa bersalah, notis ditampal di hadapan premis dalam bahasa Inggeris sedangkan syarikat tersebut sudah diiktiraf lulus persijilan Halal oleh JAKIM. Walaupun premis yang disita hanya melibatkan premis yang beroperasi di Banting, Selangor, tetapi yang mengundang persoalan dalam kalangan pengguna, adakah hanya cawangan tersebut yang menggunakan lemak babi, sedangkan kesemua bahan mentah diambil dari ibu pejabat utama.

Persoalan turut timbul apabila notis penyitaan dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sedangkan JAKIM tidak memberi sebarang komen berkaitan isu ini. Keadaan ini turut menimbulkan isu dari aspek strategi komunikasi yang diamalkan oleh JAKIM ketika mendepani kontroversi yang berlaku dalam masyarakat. Malah kemajuan teknologi secara dalam talian menambahkan lagi keclaruan dan masalah yang timbul (Zanariah, 2014)

Pendedahan 10 kes ini hanyalah sebahagian dari banyak lagi kes-kes yang berlaku. Namun yang pasti, kesemua kes ini pastinya mencorak sudut pandang pengguna terhadap JAKIM. Sebuah kajian yang mendalam perlu dijalankan bagi membincangkan pemasalahan yang timbul khususnya dalam menentukan asas-asas pertimbangan yang mendorong pengguna dalam membuat pilihan terhadap produk makanan halal yang seterusnya mempengaruhi gelagat mereka.

Kesemua pendedahan ini juga secara jelasnya menunjukkan keperluan kepada kajian berkaitan pengetahuan pengguna terhadap kewibawaan JAKIM serta pencarian maklumat secara dalam talian oleh pengguna, ini kerana isu kesucian sesuatu produk adalah amat sensitif kepada masyarakat. Sejumlah kecaman seperti amaran saman dan

ugutan bakar kilang, termasuk kenyataan-kenyataan janggal seperti tuntutan membiayai kos penukaran darah serta persoalan pelik seperti ibadah tidak diterima kerana telah bercampur dengan DNA babi akibat memakan coklat yang bercampur dengan DNA babi mula memenuhi ruangan laman sosial dan media dalam talian. Walaupun kenyataan-kenyataan ini agak lucu, namun respon tersebut secara jelas dipengaruhi oleh persepsi yang dilatari oleh pemasalahan yang timbul dan kegagalan komunikasi JAKIM yang seharusnya tampil memberi penjelasan.

Tidak cukup kecaman di internet dan media sosial, negara juga pernah dikejutkan dengan tindakan sekumpulan penganut agama Islam yang menterbalikkan sebuah lori yang membawa produk Coklat Cadbury ketika kajian makmal Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendapati terdapat kandungan DNA porcine (Babi) dalam produk coklat yang mempunyai logo Halal JAKIM (Utusan, Julai 2014).

Pihak berkuasa di bawah kerajaan Malaysia turut menerima kecaman yang hebat (MalaysianInsider, 2014), sehingga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) memperuntukkan akta khas bagi menangani isu kepenggunaan ini (Bernama, 2015). Bukan setakat polisi, laporan akhbar turut melaporkan penurunan peratus pembelian produk dan penurunan harga terhadap produk makanan yang terlibat dalam isu halal ini. Antaranya harga pek kombo coklat Cadbury pernah turun sehingga RM1 dari harga asal RM6.80. (Utusan Online, 2014). Syarikat McDonald juga pernah membuat edaran burger secara percuma bagi menarik simpati pengguna ([www.prihatin.net.my](http://www.prihatin.net.my)).

Kuasa pengguna sehingga mampu mempengaruhi polisi dan pemerkasaan penguatkuasaan undang-undang ini amat menarik perhatian penyelidik. Apatah lagi kajian melibatkan pengetahuan pengguna terhadap jenama halal ini telah menarik ramai penyelidik terdahulu (Mustafa 'Afifi et al, 2015) yang mana, kajian seperti ini turut dilakukan di beberapa buah negara seperti Indonesia, Pakistan dan Arab Saudi (Briliana dan Mursito, 2017), serta beberapa negara bukan Islam (Bonne dan Verbeke, 2008).

Namun, penyelidik dapati masih kurang sumber literasi yang boleh didapati dan dijadikan rujukan bagi melihat apakah hubungan antara pengetahuan pengguna dengan kewibawaan JAKIM secara spesifik. Kebanyakan laporan yang penyelidik dapati adalah lebih bersifat sensasi dan pandangan peribadi. Kelompangan ini yang cuba diisi melalui kajian ini. Kajian ini juga dilihat bertepatan dengan kenyataan Penolong Pengarah di Unit Indeks Syariah JAKIM, Mohd Hariri Mohamad Daud yang mana beliau mengharapkan lebih banyak kajian yang bersifat semasa dan sistematik dijalankan oleh para cendekiawan dan sarjana bagi membantu JAKIM menambah baik komunikasi dan hubungan mereka dengan masyarakat ([www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my), 2017).

### **1.3 Persoalan Kajian**

Dalam kajian ini, penyelidik hanya memfokuskan kepada beberapa persoalan yang berkaitan dengan bidang komunikasi, antara persoalan yang cuba dirungkai adalah (1) tahap pengetahuan pengguna Islam terhadap kredibiliti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, JAKIM selepas semua isu ini timbul? (2) apakah tahap pengetahuan pengguna Islam terhadap strategi komunikasi yang digunakan oleh JAKIM bagi menangani semua polemik yang timbul? (3) apakah tahap pengetahuan pengguna Islam terhadap Jenama Halal JAKIM pada produk makanan halal? (4) apakah pola pencarian maklumat sahih secara atas talian berkenaan produk makanan halal oleh pengguna Islam? (5) apakah gelagat pembelian produk makanan halal pengguna Islam? (6) apakah wujud perkaitan di antara tahap pengetahuan pengguna terhadap kredibiliti JAKIM dengan gelagat pembelian produk makanan halal dalam kalangan pengguna Islam? (7) apakah wujud perkaitan di antara tahap pengetahuan pengguna terhadap strategi komunikasi JAKIM dengan gelagat pembelian produk makanan halal dalam kalangan pengguna Islam? (8) apakah wujud perkaitan di antara tahap pengetahuan pengguna terhadap jenama Halal JAKIM dengan gelagat pembelian produk makanan halal dalam kalangan pengguna Islam? Dan akhirnya (9) apakah wujud perkaitan di antara pola pencarian maklumat sahih secara atas talian dengan gelagat pembelian produk makanan halal dalam kalangan pengguna Islam?

### **1.4 Objektif Kajian**

Dalam kajian ini, penyelidik telah menetapkan beberapa objektif kajian iaitu:

- (1) Mengenal pasti tahap pengetahuan pengguna Islam terhadap kredibiliti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, JAKIM
- (2) Mengkaji sejauh mana tahap pengetahuan pengguna Islam terhadap strategi komunikasi JAKIM
- (3) Mengetahui tahap pengetahuan pengguna Islam terhadap jenama Halal JAKIM pada produk makanan halal.
- (4) Merungkai pola pencarian maklumat sahih secara atas talian berkenaan produk makanan halal oleh pengguna Islam.
- (5) Mengenal pasti gelagat pembelian produk makanan halal oleh pengguna Islam
- (6) Menentukan perkaitan di antara tahap pengetahuan pengguna terhadap kredibiliti JAKIM dengan gelagat pembelian produk makanan halal dalam kalangan pengguna Islam.
- (7) Mengkaji perkaitan di antara tahap pengetahuan pengguna terhadap strategi komunikasi JAKIM dengan gelagat pembelian produk makanan halal dalam kalangan pengguna Islam.
- (8) Mengenalpasti perkaitan di antara tahap pengetahuan pengguna terhadap jenama Halal JAKIM dengan gelagat pembelian produk makanan halal dalam kalangan pengguna Islam.
- (9) Menentukan perkaitan di antara pola pencarian maklumat sahih secara atas talian dengan gelagat pembelian produk makanan halal dalam kalangan pengguna Islam.

## **1.5 Kepentingan Kajian**

### **1.5.1 Kepentingan Kepada Khazanah Ilmiah**

Setiap penyelidikan yang sistematik akan menghasilkan keputusan yang baik, tepat dan berguna. Justeru kajian ini menyokong dan mengukuhkan teori dan model kajian terdahulu berkaitan faktor jenama yang mempengaruhi gelagat pengguna membuat keputusan dalam pembelian sesuatu barangan.

Di samping itu, kajian ini juga dijalankan bagi menambahkan lagi hasil kajian bersifat akademik berkaitan jenama dan produk Jenama Halal di Malaysia. Impian Malaysia untuk bergelar negara hub halal dunia menjelang tahun 2020 sudah pastinya mengalu-alukan hasil kajian dari para akademia tempatan.

Dapatan dari kajian ini juga bakal menambahkan perbendaharaan bahan bacaan umum dan rujukan dalam bentuk artikel atau jurnal kepada generasi akan datang.

### **1.5.2 Kepentingan kepada Masyarakat**

Selain itu, kajian ini juga mempunyai kepentingan kepada masyarakat. Imam Ghazali dalam kitabnya *Ihya Ulumuddin* (dipetik dalam Yakub, 1998) pernah menyebut, "*Sesungguhnya kamu adalah apa yang kamu makan*".

Kajian ini dibentuk atas kesedaran terhadap mutiara nasihat ini, yang mana masyarakat yang baik dibentuk dari pemilihan makanan yang baik.

Penyelidik berpendapat, kajian ini perlu dijalankan bagi memberikan gambaran tentang pengaruh sesuatu jenama makanan terhadap gelagat pembelian rakyat Malaysia bagi menilai tahap kesedaran masyarakat terhadap jenama ini.

Kajian ini juga menunjukkan kepada pembaca bagaimana proses membuat keputusan dalam pemilihan barangan berlaku. Ini kerana proses membuat keputusan untuk membeli sesuatu barangan atau perkhidmatan akan melibatkan pelbagai pemboleh ubah yang perlu diperhalusi oleh masyarakat terutama apabila melibatkan faktor halal dan haram.

### **1.5.3 Kepentingan Kepada Organisasi JAKIM, Pengilang, Peniaga**

Seterusnya, penyelidik melihat hasil kajian ini amat diperlukan oleh pelbagai organisasi melibatkan JAKIM, Pengilang dan Peniaga. Ini kerana di dalam Islam, perniagaan dikatakan sebagai sembilan dari sepuluh pintu rezeki. Perniagaan yang beretika dan tidak menindas bukan hanya menyediakan keuntungan dunia malah menyediakan keuntungan berganda di akhirat.



